

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 OGOS 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Bukan fenomena El Nino	Kosmo
2	Proses pembenihan awan di Sarawak bermula esok	Kosmo
3	Sungai Selangor dam near critical level	The Sun
4	Typhoon eases haze, but DOE remains vigilant	The Malay Mail
5	Gempa sederhana landa Sumatera Utara	Bernamea.com

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 05 OGOS 2014 (SELASA)

Jerebu, cuaca panas di seluruh negara peralihan Monsun Barat Daya

Bukan fenomena El Nino



Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN
berita@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Keadaan jerebu yang melanda negara ketika ini disebabkan peralihan cuaca Monsun Timur Laut kepada Monsun Barat Daya yang berlaku pada setiap tahun dan bukannya berpunca dari El Nino.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail (**gambar**) berkata, peralihan monsun itu menyebabkan cuaca panas dan kering manakala taburan hujan berkurangan.

Bagaimanapun katanya, sehingga kini fenomena El Nino masih belum dapat dipastikan berikutan peningkatan suhu di Lautan Pasifik selama lima bulan berturut-turut belum berlaku.

"Walaupun kita menjangkakan El Nino melanda negara sekitar Jun lalu hingga Ogos ini, perkara itu masih belum dapat dipastikan lebih-lebih lagi pusingan fenomena ini boleh berlaku dalam tempoh dua hingga lima tahun.

"Kali terakhir fenomena ini terjadi adalah pada tahun 2010 dengan kategori sederhana di mana ia tidak

memberi impak cuaca yang begitu teruk manakala El Nino tahap kuat berlaku pada 1998 apabila terdapat negeri yang mengalami cuaca panas serta jerebu yang serius," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai adakah jerebu yang melanda negara ketika ini disebabkan fenomena El Nino.

Secara umumnya fenomena El Nino menyebabkan jumlah hujan diterima berkurang, cuaca menjadi lebih panas dan kering serta jerebu tebal sehingga mengganggu kesihatan orang ramai.

Che Gayah berkata, jerebu lazimnya menyerang negara pada setiap pertengahan tahun sebagaimana berlaku pada masa ini.

"Keadaan jerebu yang sedang kita alami sekarang melanda negara setiap tahun tetapi berbeza dengan El Nino yang mempunyai masa tertentu sahaja untuk berlaku.

"Pengumpulan asap dari kawasan perindustrian, kenderaan dan aktiviti pembakaran secara terbuka menjadi pemangkin kepada masalah jerebu dan peningkatan kadar Indeks Pencemaran Udara sehingga ke tahap bahaya," katanya.

Proses pembenihan awan di Sarawak bermula esok

KUCHING - Proses pembenihan awan di beberapa kawasan yang terlibat dengan krisis air di negeri ini akan bermula esok.

Menteri Kemudahan Awam negeri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hassan (**gambar**) berkata, proses pembenihan awan merupakan satu langkah jangka pendek yang terbaik dalam menangani krisis air di Sarawak sejak beberapa minggu lalu.



Beliau berkata, proses tersebut akan dilakukan di lokasi yang menghadapi krisis air meruncing seperti di Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang.

"Operasi pembenihan awan itu akan dilaksanakan oleh (**Jabatan Meteorologi**) dengan menggunakan helikopter.

"Kaedah yang akan digunakan ialah pembenihan basah iaitu menyemburkan larutan natrium klorida atau garam ke dalam awan kumulus bagi menghasilkan hujan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusi Mesyuarat Khas Krisis Air Negeri di sini semalam.

Awang Tengah berkata, kerajaan negeri akan menanggung sepenuhnya kos dalam proses pembenihan awan tersebut.

Dalam pada itu beliau memberitahu, krisis air di Kuching dan Sarawak telah pulih sepenuhnya berikutan hujan lebat beberapa hari lalu dan bekalan air Loji Batu Kitang di sini sudah kembali ke paras normal.

Bagaimanapun katanya, bagi daerah Simunjan, Igan dan Bintangor masih lagi mengalami masalah bekalan air.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, pihaknya juga telah mengeluarkan arahan agar pembakaran terbuka di seluruh negeri ini dihentikan sepanjang bulan ini sehingga awal September depan berikutan cuaca panas dipercayai kesan fenomena El Nino.

Katanya, sehingga Julai lepas, kerajaan negeri hanya meluluskan sebanyak 70 permit daripada 90 permohonan permit bagi melakukan pembakaran terbuka.

"Kebanyakan pemohon permit terdiri daripada pengusaha hartanah dan perladangan.

"Daripada 70 permit yang diluluskan itu, kami membatalkan lima permit kerana gagal mematuhi syarat yang ditetapkan," katanya.

Sungai Selangor dam near critical level

BY **ADRIAN PHUNG**
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The water level in the Sungai Selangor dam, which provides supply to more than 60% of households in the Klang Valley and Putrajaya, continue to show a slight decrease despite the two days of rain over the weekend.

According to the Selangor Water Management Authority (LUAS) website, the level at the dam yesterday was at 32.74% - just 3% above the critical level.

The water level at the other dams in the state also recorded minor dips - Sungai Tinggi (46.19%); Langat (62.77%), Tasik Subang (65.84%), Klang Gates (70.13%), Semenyih (75.9%) and Batu (82.31%).

A Meteorological Department spokesman told *theSun* that their cloud-seeding

exercise last Friday did not yield any positive outcome as it failed to generate any rainfall over the dam catchment areas.

However, they will repeat the exercise this Friday as the weather is expected to be more favourable, he said.

"The water level at the dams continue to drop as there isn't much rain over the catchment areas, which are inland. The rainfall which we are getting now are mostly in the coastal areas," he said, adding that there would not be much rain during the current Southwest monsoon season.

He said it is only during the inter-monsoon season in mid-September and the Northeast monsoon in mid-November that there would be more rainfall.

